

18 MAR 2001

Fong-Bersara

KEMENTERIAN TIMBANG LANJUTKAN UMUR PERSARAAN SEKTOR SWASTA

MELAKA, 18 Mac (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia sedia menimbang permohonan beberapa pihak dalam sektor swasta supaya umur persaraan pada 55 tahun kini dilanjutkan terutama bidang yang memerlukan tenaga kerja mahir.

Menteri berkenaan Datuk Dr Fong Chan Onn berkata sektor swasta perlu mengkaji had umur bersara itu terutama membabitkan bidang pekerjaan yang memerlukan tenaga kerja mahir dan berpengalaman.

"Saya sendiri berpendapat ada kebaikan umur bersara itu dikaji kerana negara masih kekurangan tenaga mahir yang berpengalaman di sektor-sektor tertentu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan satu seminar kerjaya dan peluang latihan kemahiran anjuran MCA Melaka di sini malam tadi.

Fong berkata demikian ketika diminta mengulas laporan bahawa kerajaan bersetuju untuk melanjutkan usia persaraan wajib kakitangan sektor awam daripada 55 sekarang kepada 56 tahun.

Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi persetujuan itu pada perjumpaan dengan para pemimpin kesatuan pada 14 Mac lepas.

Menurut Fong beliau menerima rayuan daripada kesatuan-kesatuan sekerja di sektor swasta termasuk bank-bank supaya umur had bersara 55 dinaikkan.

"Pihak majikan boleh bincang dengan kesatuan berkenaan untuk melanjutkan umur persaraan," katanya.

Beliau berkata sesetengah negara jiran telah turut menaikkan umur persaraan bagi kakitangan sektor awam dan swasta dan ianya adalah satu fenomena baru.

Dalam perkembangan lain, Fong mahukan belia keturunan Cina mengetepikan sikap prejudis bahawa program latihan kemahiran anjuran institusi kerajaan tidak setaraf dengan program latihan swasta.

"Mereka beranggapan bahawa program berkenaan adalah sebagai pilihan ketiga atau keempat bagi pelajar yang pencapaian akademik mereka tidak cemerlang .. saya minta mereka ketepikan persepsi pendapat ini," katanya.

Fong berkata kekeliruan itu berkemungkinan kerana mereka tidak mengkaji sepenuhnya program latihan yang disediakan kerajaan yang setaraf dengan kolej swasta.

"Program latihan kemahiran yang ditawarkan kerajaan selain diberi beberapa kemudahan percuma turut menyediakan elaun sebanyak RM45 sebulan kepada para pelatih," katanya.

-- BERNAMA

NO LAT